

Buntal ada toksin berbahaya tak dibenar jual

BH 31/3/2023 Ms. 7

Kuala Lumpur: Sebanyak 58 kes keracunan ikan buntal termasuk membabitkan 18 kematian, dilaporkan di negara ini, sejak 1985 hingga Mac tahun ini.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata larangan penjualan ikan buntal di negara ini, sudah ditetapkan dengan jelas mengikut Akta Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia 1972.

Selain itu katanya, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 turut menerangkan dengan jelas mengenai larangan penjualan makanan yang mengandungi atau di atasnya bahan beracun, berbahaya atau sebaliknya memudaratkan kesihatan.

“Oleh itu, ikan buntal yang mengandungi toksin berbahaya tidak dibenarkan dijual,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (FSQD), Kementerian Kesihatan (KKM) sudah menghasilkan bahan pendidikan sebagai langkah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung toksin berbahaya dalam ikan buntal.

“Malah, tinjauan yang dijalankan oleh FSQD KKM pada 2019 menunjukkan 86 peratus daripada responden yang terdiri daripada orang awam, penjual ikan, nelayan dan tukang masak mempunyai pengetahuan yang



Hidangan ikan buntal beracun yang menyebabkan seorang warga emas maut, manakala suaminya dirawat di ICU.

mencukupi mengenai bahaya pengambilan ikan buntal,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan seorang wanita maut, manakala suaminya kini dirawat dalam unit rawatan rapi (ICU) Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom (HEBHK) selepas makan hidangan ikan buntal.

Ikan buntal iaitu sejenis ikan yang juga disebut ‘ikan fugu’ tergolong dalam satu daripada jenis racun semula jadi yang paling bahaya dan mematikan di dunia, dibeli dari pembekal di Batu Pahat yang mendapatkan bekalan dari nelayan di Endau.

Racun yang dikenali sebagai

Tetrodotoksin yang terdapat di dalam ikan buntal adalah racun yang boleh menyerang sistem saraf dan sangat berbahaya. Racun ini didakwa lebih mematikan dibandingkan racun sianida (cyanide).

Memakan sekitar 1-2 miligram racun tetrodotoksin sahaja boleh menyebabkan risiko kematian.

Johor tak sekati penjualan

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip, berkata Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak menye-

“Peniaga perlu berwaspada dengan makanan dijual, termasuk ikan. Menjadi satu kesalahan jika terbukti mereka menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada di dalam atau padanya bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan”



Zahari Sarip,

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor

kat penjualan ikan buntal di Johor.

Beliau berkata, selain menjadi menu makanan berasaskan ikan, buntal juga dijadikan ikan hiasan marin.

Katanya, peraturan berkaitan aktiviti pemasaran ikan juga tidak menyatakan secara spesifik bahawa ikan buntal dilarang untuk dijual.

Berkaitan larangan urus niaga ikan yang tidak selamat pula, beliau berkata, ia tidak membenarkan sebarang urus niaga, memproses, mengeksport atau mengimport ikan yang tidak selamat dimakan oleh manusia tanpa kebenaran.

“Namun, peniaga perlu berwaspada dengan makanan yang dijual, termasuk ikan.

“Menjadi satu kesalahan jika terbukti mereka menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada di dalam atau padanya bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan.

“Apabila disabitkan dengan kesalahan, individu itu boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya mengikut Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Peraturan: Bahagian III Kesalahan dan Keterangan - Seksyen 13 (1).

“Pengguna juga dinasihatkan agar lebih berhati-hati dalam menyediakan makanan berasaskan ikan atau ketika menikmati juadah berasaskan ikan di restoran atau kedai makan,” katanya.